

Malaysia tawar tempat latihan pengaman ASEAN

UM - 25/3/2007

Daripada SOPHA SULAIMAN

BALI 24 Mac - Malaysia menawarkan tempat untuk melatih anggota tentera dari negara anggota ASEAN sebelum dihantar menyertai misi pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pusat latihan tentera pengaman ASEAN itu dicadang diwujudkan di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Katanya, menteri-menteri pertahanan ASEAN pada dasarnya menyambut baik cadangan Malaysia itu kerana operasi tentera pengaman merupakan salah satu perkara yang boleh dilaksanakan bersama.

"Satu hari nanti kelak mungkin boleh diwujudkan Pasukan Anggota Pengaman ASEAN atau beberapa negara boleh bertindak dulu bagi menyediakan anggota terlatih dalam satu-satu misi pengaman," katanya.

Beliau berkata, para peringkat permulaan pasukan pengaman itu tidak semestinya disertai oleh 10 negara anggota ASEAN tetapi mungkin dimulakan oleh dua atau tiga buah negara dulu.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri mesyuarat tidak formal (*retreat*) peringkat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN yang berlangsung di Hotel Nusa Dua Beach di sini hari ini.

Beliau yang tiba bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor malam tadi menghadiri jamuan makan malam yang dihoskan oleh Menteri Pertahanan Indonesia, Juwono Sudarsono.

Sebelum menyertai mesyuarat itu beliau menerima kunjungan hormat Menteri Pertahanan Singapura, Teo Chee Hean.

Malam ini, Najib dijadual mengadakan perjumpaan dengan 140



NAJIB bergambar bersama Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN di Hotel Nusa Dua Beach, Bali Indonesia, semalam.

Satu hari nanti kelak mungkin boleh diwujudkan Pasukan Anggota Pengaman ASEAN

- Najib Tun Razak

pelajar perubatan Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Udayana di sini pada majlis malam sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Sementara itu, kata Najib, pusat latihan tentera pengaman ASEAN yang dicadang di Port Dickson itu juga boleh digunakan sebagai tempat seminar, kajian kes dan pusat operasi bersama.

Beliau menyatakan, penubuhan pasukan pengaman ini diyakini akan lebih menonjolkan peranan ASEAN dalam misi perdamaian di peringkat antarabangsa.

Jelasnya, mesyuarat juga bersetuju supaya kerjasama yang sedia ada di peringkat dua hala dan pelbagai hala diteruskan serta diperkukuhkan lagi.

"Sebagai contoh kerjasama

yang boleh dipertingkatkan antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand ialah bagi menangani masalah keselamatan di Selat Melaka dan keganasan," kata Najib.

Perkara yang kedua, kata Najib, mesyuarat mengenal pasti program-program dalam bentuk pelan tindakan yang boleh dilaksanakan pada peringkat ASEAN.

Menurutnya, mesyuarat ini telah membuat beberapa cadangan tetapi secara formalnya akan diputuskan pada Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) di Singapura, November ini.

Ditanya tentang dakwaan pihak Indonesia kononnya berlaku pencerobohan tentera di Blok Ambalat di Laut Sulawesi, Najib menegaskan, pertindihan kawasan per-

airan tersebut telah diputuskan di peringkat tertinggi untuk diselesaikan secara rundingan.

"Oleh itu penting bagi kedua-dua angkatan tentera (Malaysia dan Indonesia) untuk menghormati keputusan itu dan bertindak mengikut apa yang diarahkan di bawah peraturan yang ditetapkan," katanya.

Katanya, sekiranya peraturan dipatuhi, tidak sepatutnya berlaku pertembungan secara fizikal termasuk pergeseran anak-anak kapal dari angkatan tentera laut kedua-dua negara.

"Kalau ada apa-apa pun (pergeseran) ia mestilah diputuskan di peringkat diplomatik," katanya.

Menurut Najib, apa yang perlu ialah menentukan tentera yang membuat rondaan bergerak dan

bertindak di peringkat unit dan formasi.

"Mereka (pegawai tentera muda) seharusnya faham dan tidak melakukan sesuatu yang melanggar persefahaman yang telah dicapai di peringkat tertinggi kedua-dua negara," katanya.

Menurut Najib, beliau telah menyampaikan perkara itu kepada Menteri Pertahanan Indonesia hari ini dan bersetuju agar kedua-dua pihak angkatan tentera mematuhi peraturan.

"Saya beri pandangan bahawa kita perlu berpegang teguh pada prinsip fundamental dalam ASEAN selain membuat keputusan mengikut persetujuan bersama dan menolak penggunaan tentera bagi menyelesaikan sebarang pertikaian," kata Najib.

Tambahnya, prinsip itu penting bagi mendokong nilai dan norma-norma yang sama sebagai asas kepada kewujudan komuniti ASEAN.

- Mingguan